

**Tarikh Dibaca: 14 Mac 2025M / 13 Ramadhan 1446H**



**ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“AL-QURAN KITAB PETUNJUK PENUH  
MUKJIZAT”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

## “AL-QURAN KITAB PETUNJUK PENUH MUKJIZAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : الرَّ كِتَابُ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿١﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾<sup>2</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah

<sup>1</sup> Ibrahim: 1

<sup>2</sup> Ali-Imran: 102.

diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"AL-QURAN KITAB PETUNJUK PENUH MUKJIZAT"**.

**Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Allah SWT menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW pada saat manusia berada di ambang kehancuran, kemusnahan, dan kebingungan, seolah-olah dalam keadaan nazak dan sesak nafas. Dengan al-Quran, Allah SWT membangkitkan kembali umat manusia dan mengeluarkan mereka daripada kegelapan kekufuran kepada cahaya petunjuk dan iman.

Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 1 yang menjadi mukadimah khutbah kita yang bermaksud:

*"Alif, Laam, Raa'. Ini ialah Kitab (al-Quran) Kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji."*

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Al-Quran diturunkan pada bulan Ramadhan, satu bulan yang penuh keberkatan dan kemuliaan. Peristiwa agung ini menjadi titik permulaan penyebaran hidayah kepada seluruh umat manusia.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185:

# شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ

*"(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah".*

Penurunan al-Quran berbeza daripada kitab-kitab lain kerana ia melalui peringkat-peringkat tertentu. Walau bagaimanapun, menurut Imam al-Suyuti dalam kitabnya al-Itqan, al-Quran diturunkan sekali gus ke Baitil Izzah di langit dunia pada malam al-Qadr, kemudian diturunkan secara beransur-ansur selama dua puluh tiga tahun.

Begitulah keadaan bagaimana al-Quran diturunkan dari Lauh Mahfuz ke Baitil Izzah, satu tempat yang mulia di langit dunia. Peristiwa agung ini berlaku sekaligus pada malam al-Qadr, seperti yang disebut dalam firman Allah surah al-Qadr ayat 1:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam al-Qadr".

Kemudian al-Quran diturunkan dari Baitil Izzah kepada Nabi Muhammad SAW secara berperingkat selama lebih kurang 23 tahun iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah. Disitulah kita dapat melihat pembahagian

ayat Makkiyyah iaitu ayat-ayat yang turun sebelum hijrah yang menekankan tauhid, akidah, dan pembentukan iman. Begitu juga ayat Madaniyyah iaitu ayat-ayat yang turun sesudah hijrah yang lebih menumpukan pada hukum-hakam dan panduan kehidupan bermasyarakat.

Penurunan beransur-ansur ini adalah hikmah daripada Allah SWT untuk memudahkan pemahaman, pengamalan, dan pengukuhan iman dalam kalangan umat Islam.

### **Sidang Jumaat yang Berbahagia,**

Al-Quran adalah kitab petunjuk yang memimpin manusia ke jalan kebenaran dan hidayah Allah SWT.

Hadis yang diriwayatkan daripada Saidina Ali bin Abi Talib Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Ketahuilah bahawa akan datang satu fitnah". Lalu Ali bertanya: "Apakah jalan keluar daripada fitnah itu, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Kitabullah (al-Quran). Di dalamnya terdapat khabar tentang umat sebelum kamu, berita tentang umat selepas kamu dan hukum-hukum yang memutuskan perkara di antara kamu. Ia adalah pemisah (antara yang benar dan yang batil), bukanlah sesuatu yang bersifat gurauan..."*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

Dalam al-Quran, Allah SWT mengemukakan pelbagai perumpamaan agar manusia berfikir dan mengambil pengajaran. Namun, sebahagian mereka tetap berpaling daripadanya dan memilih untuk hidup dalam keraguan dan kekufuran.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 89 yang bermaksud:

*“Dan sesungguhnya Kami telah menerangkan berulang-ulang kepada manusia, di dalam Al-Quran ini, dengan berbagai-bagai contoh perbandingan (yang mendatangkan iktibar); dalam pada itu, kebanyakan manusia tidak mahu menerima selain dari kekufuran”.*

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Kehebatan al-Quran dan mukjizatnya, Allah SWT sebutkan dalam al-Quran. Antara firman-Nya dalam surah al-Hasyr ayat 21 yang bermaksud:

*“Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya”.*

Begitu hebatnya pengaruh al-Quran yang mampu menggetarkan sehingga terbelahnya gunung-ganang. Namun, manusia kadangkala masih belum tersentuh dan terkesan dengan ayat-ayat al-Quran kerana kelalaian, kekerasan hati dan keengganan untuk merenung serta mengambil pengajaran daripadanya.

Al-Quran adalah mukjizat ilmiah yang kekal dan terpelihara, keistimewaan yang tidak diberikan kepada kitab-kitab dan suhuf lain hingga hari kiamat. Maka mengapa masih ada dalam kalangan kita yang meragui mukjizat al-Quran?

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Marilah kita berusaha memahami dan menghayati isi al-Quran dengan berhenti pada setiap ayat serta memperhatikan tanda-tanda, isyarat, arahan,

makna dan hakikat yang terkandung di dalamnya. Dalam al-Quran, Allah SWT memerintahkan kita menyingkirkan penyakit syahwat, maksiat, dan cinta dunia yang berlebihan dalam diri kita hingga menghalang kita untuk memahami dan mentadabbur ayat-ayat Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah Muhammad ayat 24:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَقْفَالُهَآ

*"(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran)".*

Al-Quran wajib diimani secara keseluruhannya tanpa sebarang pengecualian. Allah SWT mencela mereka yang hanya beriman kepada sebahagian isi al-Quran tetapi mengingkari sebahagian yang lain.

Allah SWT menceritakan tentang sikap Bani Israel yang hanya percaya kepada sebahagian isi daripada Kitab Taurat sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 85 yang bermaksud:

*"...Sesudah itu maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain?..."*

Sikap Bani Israel yang memilih-milih dalam menerima wahyu, dan malangnya, sebahagian daripada umat Islam turut terpengaruh dengan perangai yang sama. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita untuk menerima dan mengamalkan al-Quran secara menyeluruh sebagai panduan hidup.

## **Hadirin Jumaat yang dimuliakan,**

Al-Quran adalah kalam Allah SWT yang mesti dijadikan panduan hidup yang utama. Kandungannya merangkumi enam aspek utama: akidah, akhlak, bimbingan mentadabbur ciptaan Allah SWT, kisah umat terdahulu, peringatan dan ancaman, serta hukum-hukum amali. Setiap bahagian ini membentuk satu sistem lengkap yang membimbing manusia menuju kebenaran dan kebahagiaan hakiki. Oleh itu, masyarakat awam disarankan merujuk kepada ulama untuk memahami dan mengamalkan hukum-hukum ini dengan tepat.

## **Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah menjadikan al-Quran al-Karim sebagai perlembagaan hidup dan panduan utama yang wajib diamalkan merangkumi setiap aspek kehidupan.
2. Umat Islam hendaklah memperakui mukjizat al-Quran dan berusaha mempelajari ilmu-ilmunya, seperti membacanya dengan bertajwid, memahami makna dan tafsirnya, mentadabbur serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
3. Umat Islam hendaklah mempertahankan kesucian al-Quran daripada segala bentuk penghinaan dan penyelewengan, serta memastikan ia difahami dan diamalkan dengan bimbingan alim ulama.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ  
يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

*"Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar".*

(Surah al-Isra': 9)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ  
الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَهٗ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ،  
سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ  
الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ  
أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ  
عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكُّوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا  
الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤَظَّفَيْنِ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan

malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾  
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.